



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

TURUN PADANG MENINJAU KEMAJUAN PROJEK PERSEKUTUAN MENAIKTARAF JALAN DARI SINDUMIN KE KAMPUNG MELALIA

SINDUMIN, SABAH – Yang Berhormat Datuk Seri Ahmad Maslan, Timbalan Menteri Kerja Raya hari ini telah turun padang membuat lawatan ke sebuah projek persekutuan Pakej Kerja 1: Menaiktaraf Jalan dari Sindumin ke Kampung Melalia, yang merupakan sebahagian daripada Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah Fasa 1A.

2. Sesi Turun Padang merupakan perkara rutin pemimpin Kementerian Kerja Raya untuk meninjau sendiri secara dekat kemajuan terkini projek serta mengenal pasti cabaran serta permasalahan yang dihadapi di tapak pembinaan yang memerlukan tindakan segera bagi mengelakkan kelewatan atau projek menjadi sakit.

3. Pakej ini terletak di kawasan sempadan Sabah, Sarawak dan Brunei, menjadikannya laluan penting serta jaringan utama infrastruktur di Borneo yang bakal meningkatkan mobiliti, keterangkuman dan perpaduan antara kedua-dua negeri serta menyokong hubungan perdagangan dan sosial antara wilayah, antara bandar dan luar bandar.

4. Projek menaiktaraf ini melibatkan kerja-kerja pembinaan sepanjang 28.3 kilometer, termasuk pembinaan jalan lencongan (bypass) sepanjang 9.4 kilometer, empat (4) buah jambatan, satu (1) persimpangan bertingkat, tiga (3) jejantas pejalan kaki, dan dua puluh enam (26) unit hentian bas bagi kemudahan pengguna jalan raya di sepanjang laluan.

5. Sehingga Jun 2025, kemajuan fizikal projek telah mencapai 82.63%. Walau bagaimanapun, projek ini berdepan beberapa cabaran utama seperti keadaan tanah yang kurang sesuai yang memerlukan rawatan tambahan bagi menjamin kestabilan struktur untuk jangka panjang. Proses rawatan ini mengambil masa tambahan dan sedikit sebanyak telah menjejaskan kelancaran jadual kerja di tapak. Faktor cuaca yang tidak menentu turut memberi kesan terhadap produktiviti dan pelaksanaan pembinaan.

6. KKR turut menekankan kepentingan pelaksanaan Pelan Pengurusan Trafik (TMP) secara teratur oleh pihak kontraktor bagi memastikan keselamatan pengguna jalan raya terjamin sepanjang tempoh pembinaan.

7. KKR berharap agar semua pihak termasuk pasukan projek, kontraktor dan JKR tingkatkan komitmen dan kerjasama melalui perbincangan yang berterusan agar projek ini dapat disiapkan seperti spesifikasi, masa dan kos yang telah ditetapkan. Ini sejajar dengan matlamat Program MYJalan untuk menyediakan rangkaian jalan raya berkualiti yang lebih selesa, selamat dan mampan untuk seluruh rakyat Malaysia selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI yang mengutamakan kesejahteraan rakyat, nilai ihsan dan kemampanan.

#Tamat#

**KEMENTERIAN KERJA RAYA
2 JULAI 2025**

#KearahKesejahteraanRakyat
#JasaKepadaRakyat
#MYJALAN
#Jalankitatanggunjawabkita
#KerajaanMADANI
#MADANIBekerja